

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

### UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA (MAJLIS DAERAH MARAN) 1993

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta *Akta 171*. Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Maran membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Maran) 1993** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Maran sahaja.

Nama,  
pemakaian  
dsn mula  
berkuatkuasa.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Takrif.

“barang-barang” adalah termasuk apa-apa perkhidmatan yang diberi untuk mendapat keuntungan;

“gerai” adalah termasuk mana-mana gerai berkunci dan tidak berkunci, meja, stor, bangku, bangku panjang, bakul, kerusi, kayu kandar, petak peraga dinding, papan tunjuk dari apa-apa jua jenis, atau apa-apa alat lain yang berkaitan dengannya sama ada mudah alih atau bukan mudah alih dan sama ada beroda ataupun tidak, yang mana di atas atau di dalamnya makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis dijual atau didedahkan untuk dijual di mana-mana tempat persendirian atau tempat awam;

“gerai berkunci” ertinya gerai yang dibina oleh Majlis atau oleh mana-mana badan Kerajaan atau badan berkanun atau persendirian yang dikelaskan sebagai demikian oleh Majlis dan adalah termasuk kios, warung dan gerai singgah sebentar;

“kenderaan” adalah termasuk apa-apa kenderaan yang digerakkan dengan jentera atau selainnya dan termasuklah gadi, kereta sorong, kereta tolak, basikal, trisikal, motosikal, skuter, kereta, van, lori, vesel, bot atau rakit yang digunakan bagi maksud menjaja;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Maran;

“namaan” ertinya orang yang diamanahkan untuk menguruskan perniagaan pemegang lesen di masa ketiadaannya dan hendaklah dilantik di bawah undang-undang kecil 6 (2);

“pembantu” ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh pemegang lesen di bawah undang-undang kecil 24 untuk membantunya dalam menjalankan perniagaan harian dengan kelulusan Majlis;

“penjaja” adalah termasuk penjaja beredar, penjaja statik penjaja sementara;

“penjaja beredar” ertinya seseorang yang dengan atau tanpa kenderaan bergerak dari setempat ke setempat untuk mendedahkan, membahagi-bahagi atau menyerahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis dan adalah termasuk penjaja beredar sementara;

“penjaja beredar sementara” ertinya seseorang yang kadangkala mendirikan gerai dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis dengan atau tanpa kenderaan dan bergerak dari setempat ke setempat;

“penjaja sementara” ertinya seseorang yang kadangkala mendirikan gerai dan menjual atau mendedahkan untuk dijual apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis di petak atau di tempat lain yang ditetapkan atau diluluskan bagi maksud itu oleh Majlis bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Majlis;

“penjaja statik” ertinya seseorang yang mendirikan gerai di sesuatu tempat awam atau tempat persendirian dan menjual atau mendedahkan untuk dijual apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis dan hendaklah termasuk gerai tepi jalan, penjaja setempat dan penjaja berkelompok;

“tempat awam” ertinya mana-mana lapangan terbuka, tempat letak kereta, kebun bunga, taman atau medan rekreasi dan bersuka-suka, sama ada terkepung atau tidak, yang dikhas atau diuntukkan bagi kegunaan orang ramai atau yang terbuka kepada orang ramai pada bila-bila masa;

“zon” ertinya sesuatu kawasan, had atau sempadan yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

## BAHAGIAN II

### PELESENAN DAN URUSAN PERNIAGAAN

Dilarang  
menjaja  
tanpa lesen.

Permohonan  
lesen.

3. Tiada seorang pun boleh bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis di bawah Undang-Undang Kecil ini.

4. (1) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan lesen untuk bertindak sebagai penjaja hendaklah dibuat secara bertulis kepada Majlis dalam borang yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Jika permohonan bagi mendapatkan lesen diluluskan, Majlis hendaklah meminta pemohon mengemukakan dua keping fotograf pemohon saiz pasport dengan mana pemohon boleh dikenali.

(3) Lesen hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis.

(4) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan kepada penjaja beredar membolehkan penjaja tersebut berjaya atau bergerak di dalam sesuatu zon, kawasan atau tapak yang ditetapkan oleh Majlis.

(5) Tiap-tiap lesen hendaklah menyatakan—

- (a) Tempoh sahnya lesen itu;
- (b) jenis makanan, minuman atau barang-barang yang akan dijual;
- (c) premis, tapak, kawasan, zon atau mana-mana tempat lain yang ditetapkan oleh Majlis; dan
- (d) terma-terma, syarat-syarat dan sekatan-sekatan sebagaimana yang difikirkan oleh Majlis patut dikenakan.

(6) Tiap-tiap lesen boleh dibatalkan oleh Majlis pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

(7) Majlis boleh, menurut budibicaranya, enggan memberi atau membaharui sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab.

(8) Tiap-tiap orang yang telah diberi lesen hendaklah memamerkan lesennya pada setiap masa di sesuatu tempat yang mudah dilihat di premis, kenderaan, gerai atau tapak berlesen dan hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa meminta lesen itu dikemukakan.

(9) Pemegang lesen hendaklah menyerahkan balik lesennya kepada Majlis apabila lesen itu tamat tempohnya, dibatalkan, dipotong, digantung atau apabila diarahkan oleh Majlis.

5. Tiada suatu pun gerai, termasuk gerai yang dibina oleh Majlis atau mana-mana badan Kerajaan atau badan berkanun, boleh dibina atau didirikan melainkan didiri atau dibina menurut piawai yang ditetapkan oleh Majlis.

Saiz gerai.

6. (1) Pemegang lesen hendaklah sentiasa hadir dan menjalankan atau mengawasi perniagaan di gerai atau petaknya, melainkan jika ia tidak dapat hadir atas sesuatu sebab yang munasabah.

Pemegang lesen tidak hadir.

(2) Jika pemegang lesen tidak dapat menguruskan perniagaan di gerainya selama tempoh empat belas hari berturut-turut atau lebih, ia hendaklah melantik seorang namaan mengambil tempatnya dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis daripada Majlis. Jika namaan tidak dilantik, maka lesen akan terbatal.

(3) Majlis tidak boleh, kecuali dalam hal keadaan yang difikirkan patut, memberi sesuatu kelulusan di bawah peruntukan perenggan (2) undang-undang kecil ini bagi sesuatu tempoh lebih daripada tiga bulan.

(4) Jika seseorang namaan bertindak bagi pihak seseorang pemegang lesen di bawah peruntukan undang-undang kecil ini, kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab yang dikenakan ke atas pemegang lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah terletak ke atas namaan tersebut yang mana boleh didakwa atas apa-apa pelanggaran terhadap Undang-Undang Kecil ini seolah-olah ia adalah pemegang lesen.

(5) Fee sebanyak RM30.00 hendaklah dibayar oleh pemegang lesen bagi melantik seorang namaan.

Larangan.

7. (1) Tiada seorang pun penjaja boleh menjalankan perniagaannya—

- (a) dalam lingkungan sembilan meter (tiga puluh kaki) dari simpang jalan;
- (b) dalam lingkungan sembilan meter (tiga puluh kaki) dari pili bomba;
- (c) di atas tangga, kakilima atau tempat awam melajinkan dibenarkan oleh Majlis,

(2) Tiada seorang pun penjaja boleh menjalankan perniagaannya dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu perjalanan lancar lalulintas kenderaan dan pergerakan bebas orang-orang yang berjalan kaki.

(3) Seseorang penjaja, namaan atau pembantu hendaklah berumur tidak kurang daripada enam belas tahun.

Mematuhi arahan.

8. Tiap-tiap penjaja hendaklah mematuhi apa-apa arahan lisan atau bertulis yang diberi oleh Majlis atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis berkenaan dengan penempatan gerai, kenderaan atau lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya.

Berpindah dari tempat menjaja.

9. Tiap-tiap penjaja sementara hendaklah memindahkan gerai, kenderaan atau lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya dari petak atau tapaknya pada waktu perniagaan ditutup tiap-tiap hari atau tiap-tiap malam, mengikut mana yang berkenaan.

Penjaja beredar.

10. Tiada seorang pun boleh bertindak sebagai penjaja beredar di mana-mana jalan atau di mana-mana tempat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama melainkan dibenarkan sebaliknya oleh Majlis.

Kereta tolak.

11. Kereta tolak yang digunakan oleh penjaja beredar tidak boleh melebihi satu perpuluhan lapan meter (enam kaki) panjang dan kosong perpuluhan sembilan meter (tiga kaki) lebar dan atapnya atau kajang di atasnya tidak boleh lebih panjang daripada satu perpuluhan lapan meter (enam kaki) dari mana-mana bahagian kereta tolak itu, dan reka bentuk binaan serta bahan yang digunakan untuk pembinaan kereta tolak itu hendaklah seperti yang diluluskan oleh Majlis.

12. Jika kenderaan digunakan oleh penjaja beredara, saiz atau bentuk kenderaan itu hendaklah mengikut sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis dan kenderaan itu hendaklah menepati piawai yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Kenderaan.
13. Penjaja beredara tidak boleh berada tetap di sesuatu tempat kecuali pada waktu ia sebenarnya menjual barang-barang kepada pelanggan-pelanggan dan pada waktu ia tidak sebenarnya berbuat demikian ia hendaklah sentiasa bergerak melainkan dibenarkan sebaliknya oleh Majlis. Penjaja beredara hendaklah berpindah-pindah.
14. Tiap-tiap penjaja, namaan dan pembantu hendaklah dikenakan pemeriksaan kesihatan dan perubatan dan mendapat suntikan pelalian mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis. Pemeriksaan kesihatan dan perubatan.
15. Tiap-tiap penjaja, namaan dan pembantu hendaklah menghadirkan diri di kelas pendidikan kesihatan sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis. Pendidikan kesihatan.
16. Tiap-tiap penjaja hendaklah menjaga dan mempastikan— Kebersihan.
- (a) diri dan pakaianya berada dalam keadaan yang kemas dan bersih;
  - (b) gerai atau kenderaannya dan lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya berada dalam keadaan bersih dan bebas dari kotoran dan hendaklah mengecat atau mengecatkannya semula pada bila-bila masa sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis;
  - (c) tempat mempamer makanan atau bekas makanan hendaklah daripada bahan yang tahan karat yang diluluskan oleh Majlis;
  - (d) pembungkus makanan hendaklah dari bahan yang diluluskan oleh Majlis;
  - (e) mengadakan air yang bersih dan jernih untuk membasuh dan membersihkan perkakas memasak, pinggan, mangkuk, piring atau apa-apa perkakas lain yang digunakan untuk menghidang makanan kepada pelanggan atau yang berkaitan dengan perniagaannya; dan
  - (f) kebersihan kawasan dan persekitarannya dalam lingkungan 3 meter (sepuluh kaki) dari tapak jajaan sebelum, semasa dan selepas perniagaan.
17. Tiada penjaja boleh menggunakan kayu api atau kerosin di tempat perniagaannya bagi maksud menyediakan makanan melainkan dikecualikan oleh Majlis. Kayu api atau kerosin tidak dibenarkan.
18. Tiap-tiap penjaja hendaklah mengadakan tong-tong sampah yang mencukupi dan karung plastik atau apa-apa bekas lain yang sesuai untuk kegunaan mengisi sampah sebelum ia dimasukkan ke dalam tong sampah. Tong sampah hendaklah diadakan.

- Sampah pepejal basah.**
19. Segala sampah sarap atau sampah pepejal basah hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum diletakkan ke dalam tong sampah.
- Pelupusan sampah.**
20. Segala sampah dalam tong sampah hendaklah dilupuskan oleh penjaga mengikut cara yang diarahkan oleh Majlis.
- Tumpahan bahan busuk.**
21. Tiada seorang pun penjaga boleh menyebab atau memberar diletakkan, ditumpahkan, ditaburkan atau dibuang apa-apa darah, air masin, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk dalam mana-mana longkang atau di atas mana-mana tempat awam lain.
- Fee.**
22. (1) Fee yang kena dibayar bagi sesuatu lesen hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan hendaklah dibayar terlebih dahulu.  
 (2) Fee yang dikenakan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dikembalikan.
- Pindah milik lesen.**
23. (1) Sepanjang tempoh sahnya sesuatu lesen Majlis boleh, jika dipohon oleh pemegangnya, membenarkan lesen itu dipindah milik kepada orang lain.  
 (2) Bayaran bagi pindah milik lesen ialah RM50.00.
- Pembantu.**
24. (1) Pemegang lesen boleh melantik pembantu untuk membantunya dalam menjalankan perniagaan harian dengan syarat pembantu itu hendaklah diluluskan oleh Majlis.  
 (2) Fee sejumlah RM5.00 satu tahun hendaklah dibayar oleh pemegang lesen bagi melantik seorang pembantu.  
 (3) Pembantu tidak dibenarkan bermiaga tanpa kehadiran pemegang lesen.
- Pakaian.**
25. Setiap pemegang lesen, namaan, pembantu atau pengendali makanan dilarang memakai baju tanpa lengan, seluar pendek atau memakai selipar semasa menyedia dan mengendalikan makanan dan minuman.
- Penutup kepala.**
26. Penutup kepala dan apron hendaklah dipakai semasa memasak, menyedia, membungkus, menghidang dan mengendalikan makanan dan minuman.
- Merokok dan memakan sirih dilarang.**
27. Merokok, menghisap paip, menghisap cerut, menghisap tembakau, memakan sirih atau apa-apa perbuatan yang seumpamanya semasa memasak, menyedia, membungkus, menghidang dan mengendalikan makanan dan minuman adalah dilarang.

28. Perbuatan menjilat jari, menggaru kepala dan badan, mengorek hidung dan telinga atau lain-lain perbuatan yang menyentuh terus antara kulit ke kulit tidak dibenarkan semasa menyedia makanan dan minuman. Sentuhan kulit dilarang.
29. Semua makanan dan minuman yang hendak dijual hendaklah ditutup dengan penutup yang diluluskan oleh Majlis. Penutup makanan.
30. Semua aktiviti memasak hendaklah dilakukan di dalam kereta tolak melainkan dibenarkan sebaliknya oleh Majlis. Aktiviti memasak.
31. Tiap-tiap bekas makanan dan minuman hendaklah disediakan peralatan perantaraan yang sesuai dan bersih. Peralatan perantaraan.
32. Semua sampah-sarap dan sisa perniagaan jenis basah dan berat seperti tempurung kelapa, hampas tebu atau bahan-bahan buangan makanan yang lain hendaklah dilupuskan terus ke tempat yang dikhaskan atau tong sampah awam yang disediakan oleh Majlis. Pelupusan sampah.
33. Semua bahan masakan dan makanan yang telah dimasak tidak dibenarkan diletak di atas lantai, jalan, tanah atau tempat laluan tetapi hendaklah diletakkan di tempat yang bersih dan tingginya dari paras permukaan tanah hendaklah tidak kurang daripada 45 sentimeter (18 inci). Paras tempat meletak makanan.

#### BAHAGIAN IV

##### SYARAT-SYARAT KHAS PENJUALAN IKAN, DAGING DAN SAYUR

34. Permukaan tempat jualan ikan, daging dan sayur hendaklah dibuat daripada bahan yang diluluskan oleh Majlis. Permukaan tempat jualan.
35. Keluasan tapak maksimum bagi menjual ikan, daging dan sayur ialah 4.3 meter persegi (14.1 kaki persegi) melainkan dibenarkan sebaliknya oleh Majlis. Keluasan tapak.
36. Air lembahan atau basuhan hendaklah disalurkan ke dalam bekas takungan dan hendaklah dilupuskan ke dalam longkang yang airnya mengalir. Air Lembahan.
37. Daging sejuk beku yang didedahkan untuk jualan hendaklah sentiasa segar dan hendaklah dikekalkan suhunya di bawah  $4^{\circ}\text{C}$ . Kadar suhu.
38. Kawasan tempat menyimpan tong-tong ikan, daging dan sayur hendaklah tidak melebihi kawasan yang ditetapkan oleh Majlis. Kawasan tempat menyimpan tong ikan.

#### BAHAGIAN V

##### SYARAT-SYARAT KHAS PENJUALAN BARANG-BARBAGI

39. (1) Tapak jajaan bagi seseorang penjaja pelbagai hendaklah tidak melebihi 37 meter persegi (400 kaki persegi) melainkan dibenarkan sebaliknya oleh Majlis. Had tapak jajaan.

(2) Bagi maksud Bahagian ini, penjaja pelbagai adalah termasuk menjual pakaian, barang runcit, barang plastik, peralatan dapur atau barang besi atau lain-lain barang yang ditetapkan oleh Majlis bagi maksud itu.

Memaku dan mengikat tali tidak dibenarkan.

40. Memaku pada premis, jalan, kawasan awam atau mengikat tali pada pokok, tiang lampu atau mana-mana bangunan awam tidak dibenarkan.

Larangan.

41. (1) Menggunakan pembesar suara untuk menarik pelanggan, berkempen, membuat ujian lagu atau memasang kaset melebihi 50 wat tidak dibenarkan melainkan diluluskan sebaliknya oleh Majlis.

(2) Menggunakan perkataan-perkataan lucah atau mempamerkan bahan-bahan lucah adalah dilarang.

(3) Menggunakan perkataan-perkataan atau isu-isu yang boleh membangkitkan perasaan perkauman, menghasut, mengecam perkara-perkara yang berkaitan dengan politik, mencerca pemimpin atau seseorang individu atau Kerajaan, menghina sesuatu agama atau kaum lain tidak dibenarkan.

(4) Berkelakuan kurang sopan dan berpakaian menjolok mata tidak dibenarkan.

Alat pelindung.

42. Penggunaan khemah, alat pelindung matahari atau hujan hendaklah daripada bahan dan bentuk yang diluluskan oleh Majlis.

Had tapak.

43. Tapak menjual buah-buahan yang dibenarkan hendaklah tidak melebihi 37 meter persegi (400 kaki persegi) melainkan dibenarkan sebaliknya oleh Majlis.

Tong sampah.

44. Setiap penjaja buah-buahan hendaklah menyediakan tong sampah atau bekas yang mencukupi di tapak jajaan.

Tempat jualan.

45. Buah-buahan untuk jualan hendaklah diisi ke dalam bekas atau di atas meja atau dialas dengan bahan yang tidak telap air atau bahan yang diluluskan oleh Majlis.

Kenderaan.

46. (1) Penjaja beredar hendaklah menggunakan kenderaan yang diluluskan oleh Majlis.

(2) Kenderaan yang digunakan hendaklah diperiksa setiap enam bulan sekali oleh Majlis.

## BAHAGIAN VI

### SYARAT-SYARAT KHAS PENJUALAN BUAH-BUAHAN

### SYARAT-SYARAT KHAS PENJAJA BEREDAR

## BAHAGIAN VII

### SYARAT-SYARAT KHAS PENJAJA BEREDAR

(3) Penjaja beredara yang menggunakan beca atau trisikal hendaklah mendapat lesen beca daripada Majlis.

47. (1) Penjaja beredara adalah dilarang daripada memasuki atau <sup>Zon berjaya</sup> menjaja di dalam zon penjaja statik, zon penjaja berkelompok, kawasan pasar atau memasuki zon berjaya yang tidak dikhaskan untuk penjaja beredara.

(2) Penjaja beredara hendaklah berniaga di dalam zon yang diluluskan sahaja melainkan dikecualikan sebaliknya oleh Majlis.

48. Penggunaan meja, kerusi, peralatan memasak, bangku dan lain-lain peralatan <sup>Peralatan.</sup> hendaklah mendapat kelulusan Majlis.

49. Setiap penjaja beredara hendaklah menyediakan bekas yang <sup>Bekas sampah.</sup> bersesuaian bagi maksud menyimpan sampah.

50. Setiap penjaja beredara hendaklah mempastikan kawasan perniagaannya benar-benar telah dibersihkan sebelum ia beredara atau bergerak ke tempat lain. <sup>Kebersihan tempat.</sup>

## BAHAGIAN VIII

### SYARAT-SYARAT KHAS PENJUALAN DAGING BABI

51. Penjaja daging babi hendaklah menjual daging babi sahaja. <sup>Penjualan daging babi.</sup>

52. Daging babi tidak boleh dipamerkan atau didedahkan terus menerus untuk jualan, kecuali semasa proses jualan daging babi dilakukan iaitu memotong, menimbang dan membungkus daging babi itu. <sup>Sekatan jualan.</sup>

53. Penjaja daging babi hendaklah diasingkan sekurang-kurangnya 9 meter (30 kaki) daripada lain-lain penjaja. <sup>Pengasingan.</sup>

54. Penjaja daging babi hendaklah menggunakan tong, bekas, peti atau apa-apa juar bekas lain untuk menyimpan daging babi sebagaimana diluluskan oleh Majlis. <sup>Tempat menyimpan.</sup>

## BAHAGIAN IX

### PELBAGAI

55. Seseorang yang bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis di bawah Undang-Undang Kecil ini dan seseorang yang setelah diberi lesen oleh Majlis di bawah Undang-Undang Kecil ini bertindak berlawanan dengan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali. <sup>Penalti.</sup>

56. (1) Mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa oleh Majlis atau mana-mana pegawai Polis boleh menangkap tanpa waran seseorang yang melakukan di hadapannya atau yang ia pecayai dengan munasabah telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini—

- (a) jika nama atau alamat orang itu tidak diketahui olehnya dan orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau
- (b) jika ada sebab bagi meragukan yang nama atau alamat itu adalah tepat.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah undang-undang kecil ini hendaklah ditahan dan hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam melainkan jika namanya dan alamatnya dapat ditentukan terlebih dahulu daripada itu.

57. (1) Apa-apa barang yang dicadangkan atau didedahkan untuk jualan bersama-sama dengan bekasnya dan apa-apa alat yang menyertainya dan juga gerai atau kenderaan kepunyaan orang yang tidak dilecenkan untuk bertindak sebagai penjaja di bawah Undang-Undang Kecil ini atau yang bertindak berlawanan dengan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini setelah diberi notis bertulis, boleh disita oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis dan dipindahkan ke mana-mana tempat yang ditentukan oleh Majlis dan ditahan di situ atas risiko pemunyanya.

(2) Apa-apa barang yang tidak tahan lama yang disita di bawah perenggan (1) undang-undang kecil ini boleh dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Majlis.

58. Seseorang yang ada apa-apa tuntutan ke atas mana-mana barang yang telah dipindahkan dan ditahan di bawah undang-undang kecil 57, boleh menuntut barang-barang itu daripada Majlis dalam tempoh empat belas hari dari tarikh barang-barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis dan tertakluk kepada fee yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga:

Dengan syarat bahawa jika sekiranya tiada apa-apa tuntutan dibuat ke atas mana-mana barang yang telah dipindahkan atau ditahan itu dalam tempoh empat belas hari yang dinyatakan itu, Majlis boleh melupuskan barang-barang itu mengikut cara yang difikirkannya patut.

59. Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Maran) 1991 adalah dimansuhkan.

#### JADUAL PERTAMA (Undang-undang kecil 10)

- I. Mana-mana jalan atau bahagian sesuatu jalan dalam lingkungan empat puluh meter (120 kaki) dari sesuatu jalan masuk atau jalan keluar atau kawasan sekitar mana-mana sekolah, hospital, pasar, pasar awam atau kawasan perdagangan yang disediakan untuk penjaja.

2. Semua tempat letak kereta awam.
3. Seniua perhentian bas, stesen bas dan tempat perhentian teksi.
4. Kawasan sekitar semua bangunan pejabat Kerajaan dan tempat-tempat awam.
5. Semua bahagian jalan-jalan awam yang berikut—
  1. Jalan Pasar.
  2. Jalan Kompleks Sukan.
  3. Jalan Berkat.
  4. Jalan Masjid.
  5. Jalan Perpustakaan.
  6. Jalan Bazar.
  7. Jalan Besar.
  8. Jalan Sri Chedong.

**JADUAL KEDUA**  
(Undang-undang kecil 22)

	<i>Jenis-jenis Lesen</i>	<i>Kadar Lesen</i>	
		<i>Kadar Tetap</i> RM	<i>Kadar Sementara</i> RM
<b>I. PENJAJA BEREDAR</b>			
	(a) Jalan kaki	20/thn	5/bln
	(b) Basikal	30/thn	10/bln
	(c) Beca Trisikal	40/thn	15/bln
	(d) Motosikal	60/thn	20/bln
	(e) Motosikal roda tiga	80/thn	25/bln
	(f) Kereta/Wagon	100/thn	30/bln
	(g) Van	120/thn	40/bln
	(h) Lori berat dengan muatan tidak melebihi 3 tan	150/thn	50/bln
	(i) Lori berat dengan muatan melebihi 3 tan	200/thn	70/bln
	(j) Penjaja beredar sementara		
	(i) Berjaya di pasar terbuka/pasar berkelompok	—	1/hari
	(ii) Penjaja beredar sementara yang menjaja di sesuatu tempat bagi sesuatu tempoh tidak lebih daripada 2 jam	—	2/hari
	(k) Lesen sementara harian	—	2/hari

*Jenis-jenis Lesen**Kadar Lesen*

<i>Kadar Tetap RM</i>	<i>Kadar Sementara RM</i>
-----------------------	---------------------------

## 2. PENJAJA SEMENTARA

## (a) Penjaja pasar lambak (bayaran tapak)

- |  |   |           |
|--|---|-----------|
| (i) Semua jenis sayuran kampung bagi tiap-tiap tapak berukuran 50 kaki persegi atau sebahagian daripadanya   | — | 0.50/hari |
| (ii) Semua jenis sayuran tanaman ladang/kebun bagi tiap-tiap tapak berukuran 50 kaki persegi atau sebahagian daripadanya                                       | — | 1/hari    |
| (iii) Makanan/minuman bagi tiap-tiap tapak berukuran 50 kaki persegi atau sebahagian daripadanya   | — | 1/hari    |
| (iv) Barang runcit bagi tiap-tiap tapak berukuran 400 kaki persegi atau sebahagian daripadanya   | — |           |
| (a) kawasan baru   | — | 5/hari    |
| (b) kawasan lama   | — | 10/hari   |
| (v) Kain, pakaian siap, pakaian terpakai, barang plastik, permainan kanak-kanak dan pelbagai bagi tiap-tiap tapak 400 kaki persegi atau sebahagian daripadanya | — |           |
| (a) kawasan baru   | — | 5/hari    |
| (b) kawasan lama   | — | 10/hari   |
| (vi) Buah bermusim seperti durian, tembikai dan nenas bagi tiap-tiap tapak berukuran 400 kaki persegi atau sebahagian daripadanya                              | — |           |
| (a) kawasan baru   | — | 5/hari    |
| (b) kawasan lama   | — | 10/hari   |
| (vii) Buah tidak bermusim bagi tiap-tiap tapak berukuran 200 kaki persegi atau sebahagian daripadanya  | — |           |
| (a) kawasan baru   | — | 3/hari    |
| (b) kawasan lama   | — | 5/hari    |
| (viii) Ikan air tawar atau ikan air masin dan hasil laut yang lain bagi tiap-tiap tapak berukuran 50 kaki persegi atau sebahagian daripadanya                  | — |           |
| (a) kawasan baru   | — | 1/hari    |
| (b) kawasan lama   | — | 2/hari    |

<i>Jenis-jenis Lesen</i>	<i>Kadar Lesen</i>	
	<i>Kadar Tetap</i> RM	<i>Kadar Sementara</i> RM
(ix) Daging bagi tiap-tiap tapak berukuran 50 kaki persegi atau sebahagian daripadanya	—	1/hari
(a) kawasan baru	—	2/hari
(b) kawasan lama	—	1/hari
(x) Ubat bagi tiap-tiap tapak berukuran 50 kaki persegi atau sebahagian daripadanya	—	2/bati
(xi) Satay, ayam panggang, murtabak atau lain-lain jenis makanan yang dimasak bagi tiap-tiap tapak berukuran 50 kaki persegi atau sebahagian daripadanya	—	2/hari
(xii) Buah kelapa bagi tiap-tiap tapak berukuran 200 kaki persegi atau sebahagian daripadanya	—	5/hari
(xiii) Apa-apa jenis barang lain yang tidak diperuntukkan di bawah Undang-Undang Kecil ini bagi tapak berukuran 400 kaki persegi atau sebahagian daripadanya	—	5/hari
(b) Penjaja pasar lambak (permit tahunan bagi setiap kawasan)		
(i) kawasan baru	5/thn	5/hari
(ii) kawasan lama	10/thn	5/hari
(c) Penjaja malam		
(i) Bagi tiap-tiap tapak berukuran 50 kaki persegi atau sebahagian daripadanya	—	1/hari
(ii) Bagi setiap tambahan satu tapak atau sebahagian daripadanya	—	2/hari
(d) Penjaja buah bermusim		
(i) Penjualan durian bagi tiap-tiap tapak berukuran 100 kaki persegi atau sebahagian daripadanya	—	12/hari
(ii) Penjualan tembikai bagi tiap-tiap tapak berukuran 100 kaki persegi atau sebahagian daripadanya	—	7/hari
(iii) Penjualan nenas bagi tiap-tiap tapak berukuran 100 kaki persegi atau sebahagian daripadanya	—	7/hari
(iv) Lain-lain buah-buahan bermusim bagi tiap-tiap tapak berukuran 100 kaki persegi atau sebahagian daripadanya	—	7/hari
(v) Bagi setiap tambahan satu tapak atau sebahagian daripadanya bagi perenggan (i) hingga (iv)	—	100% dari kadar di atas

Jenis-jenis Lesen	Kadar Lesen	
	Kadar Tetap RM	Kadar Sementara RM
(e) Penjaja Bermusim/Musim Perayaan		
(i) Penjualan makanan dan minuman bagi tiap-tiap tapak berukuran 100 kaki persegi atau sebahagian daripadanya	—	2/hari
(ii) Penjualan pakaian dan lain-lain bagi tiap-tiap tapak berukuran 100 kaki persegi atau sebahagian daripadanya	—	10/hari
(iii) Lain-lain penjualan bagi tiap-tiap tapak berukuran 100 kaki persegi atau sebahagian daripadanya	—	10/hari
(iv) Bagi setiap tambahan satu tapak atau sebahagian daripadanya bagi perenggan (i) hingga (iii)	—	100% dari kadar di atas
(f) Pasar tani		
(i) Bagi tiap-tiap tapak berukuran 50 kaki persegi atau sebahagian daripadanya	—	2/hari
(ii) Bagi setiap tambahan satu tapak atau sebahagian daripadanya	—	2/hari
(g) Lain-lain Jenis Penjaja Sementara		
(i) Bagi tiap-tiap tapak berukuran 40 kaki persegi atau sebahagian daripadanya	—	1/hari
(ii) Bagi setiap tambahan satu tapak atau sebahagian daripadanya	—	1/hari
(h) Permit meletak meja di tempat awam	50/bln satu meja	2/hari satu meja
3. PENJAJA STATIK		
(a) Gerai tepi jalan		
(i) Gerai yang berukuran $0.7m \times 0.4m$ dengan penutup maksimum $0.8m \times 0.8m$ —RM15.00 sebulan/RM1.00 sehari		
(ii) Bagi setiap meja tidak melebihi 1.4 meter persegi—RM10.00 sebulan tertakluk kepada maksimum 4 meja		
(b) Gerai di atas tanah lot kosong yang disewa dan di atas tanah Kerajaan termasuk penjaja berkelompok:		
(i) Gerai yang berukuran $0.7m \times 0.4m$ dengan penutup maksimum $0.8m \times 0.8m$ —RM10.00 sebulan/RM1.00 sehari		
(ii) Bagi setiap tambahan 1.4 meter persegi ruang yang diduduki atau sebahagian daripadanya—RM5.00 sebulan		
(c) Gerai berkelompok		RM15.00 sebulan/ RM1.00 sehari
Bayaran tapak		RM50.00 sebulan/ RM1.00 sehari

<i>Jenis-jenis lesen</i>	<i>Kadar lesen</i>	
	<i>Kadar</i> <i>Tiap</i> <i>RM</i>	<i>Kadar</i> <i>Semestaru</i> <i>RM</i>
(iii) Fee tambahan bagi memproses an Selapa atau air tebu di tapak perniagaan	RM30.00 sebulan/ RM12.00 sehari	
4. Fee pendaftaran lesen baru	RM20.00	
5. Fee untuk pindah milik gerai	RM10.00	

**JADUAL KETIGA**  
(Undang-undang kecil 58)

1. Memindahkan gerai atau barang-barang	
(a) Dalam lingkungan jejari 2km	RM50.00
(b) Bagi setiap tambahan 1km jejari	RM5.00
2. Fee penyimpanan gerai atau barang-barang	RM20.00 bagi tempoh tidak lebih daripada 7 hari dan RM1.00 bagi tiap-tiap satu hari kemudian daripadanya

Diperbuat pada 4hb November 1992  
(MDM/LAW/001.)

HUSIN BIN HAJI MOHD DIAH,  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Daerah Maran*

Disahkan pada 4hb November 1992.  
(SUK. Phg. (KT) 5478 Sj. 2.)

MOHAMAD NOOR BIN ABDUL RANI,  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan,*  
*Pahang*